

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : HAJI MOHAMAD BIN SABU [KOTA RAJA]

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU [KOTA RAJA] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah peranan Malaysia untuk mengekalkan polisi Malaysia sebagai Negara Berkecuali dengan pertembungan kuasa-kuasa besar seperti China dan AUKUS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih atas pertanyaan yang dikemukakan oleh **Yang Berhormat Kota Raja** berhubung sejauh manakah peranan Malaysia untuk mengekalkan polisi Malaysia sebagai Negara Berkecuali dengan pertembungan kuasa-kuasa besar seperti China dan AUKUS.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan telah menyatakan bahawa Malaysia gusar dengan tercetusnya pakatan baru AUKUS kerana ia dibimbangi akan mengundang ketegangan di kalangan negara-negara pakatan AUKUS (Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia) dengan negara-negara lain di rantau ini terutamanya China. Kesemua negara-negara ini mempunyai hubungan dua-hala yang sangat substantif dengan Malaysia terutama dalam bidang ekonomi dan kerjasama keselamatan di rantau Asia Tenggara.

3. Seperti mana Dewan sedia maklum, dasar luar Malaysia digubal dengan mengambil kira faktor-faktor unik negara iaitu kedudukan strategik di rantau Asia Tenggara; ciri-ciri Malaysia sebagai sebuah negara yang ditubuh melalui gabungan negeri-negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Hasilnya, dasar luar Malaysia dikukuhkan dengan prinsip menghormati kebebasan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan sikap tidak mencampuri urusan negara lain, penyelesaian masalah secara aman, kewujudan bersama secara harmoni dan hubungan yang saling bermanfaat.

4. Dengan ini, Malaysia akan sentiasa melaksanakan dasar luar yang berprinsip dan pragmatik dengan mengekalkan hubungan dua hala yang baik dengan semua. Malaysia juga mengamalkan sikap berkecuali dan tidak berpihak kepada mana-mana negara berkuasa besar dunia dalam persaingan di antara mereka. Sehingga kini, Malaysia tidak pernah berganjak dari pendirian ini dan sentiasa memastikan setiap tindak tanduk negara selaras dengan prinsip asas Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement* - NAM).

5. Dasar Luar Malaysia ini seterusnya telah membantu Malaysia dan negara-negara ASEAN melalui tempoh persengketaan antara kuasa-kuasa besar yang amat ketara pada zaman yang lalu. Pendekatan ini diyakini akan terus relevan sebagai kerangka keselamatan di peringkat global dan juga di rantau Asia Tenggara.

6. Malaysia akan terus mempromosikan dasar luar yang berpandangan jauh ke hadapan yang memudahkan perdagangan, pelaburan asing serta mencerminkan Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil dan aman. Malaysia juga sentiasa mengambil inisiatif untuk mengimbangkan hubungannya dengan kuasa-kuasa besar melalui dialog bagi membincang serta menyelesaikan isu-isu berkepentingan bersama. Malaysia akan memastikan bahawa hubungan komunikasi dengan kuasa-kuasa besar ini akan sentiasa terbuka dan berterusan. Sekian, terima kasih.